

# Tafsiran sempit punca ajaran sesat

UM 25 SEP 2003

KUALA LUMPUR 24 Sept. — Kegagalan mengukuhkan akidah dan penafsiran sempit terhadap Islam, al-Quran dan hadis merupakan punca munculnya 'beratus-ratus Islam', kata Mufti Wilayah Persekutuan, Prof. Madya Dr. Yusuf Hussin.

Menurutnya, kegagalan memantapkan akidah juga menjadi punca kepada kemunculan pelbagai ajaran yang sama sekali terpesong daripada Islam yang sebenar.

Katanya, kemunculan kelompok-kelompok ajaran sesat itu bukanlah sesuatu yang baru dan ia telah wujud sejak kewafatan Nabi Muhammad tetapi ia perlu dikekang supaya tidak semakin berkembang.

"Umat Islam perlu mengukuhkan akidah dalam ibadat dan melaksanakan akidah yang betul dalam kehidupan harian mereka sebagai benteng," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang menggesa umat Islam dunia menilai semula apa yang diamalkan oleh mereka hari ini.

Dr. Mahathir antara lain berkata, kegagalan menghayati ajaran Islam yang sebenar telah mengakibatkan munculnya 'beratus-ratus Islam' yang mempunyai tafsiran salah terhadap agama itu.

Yusuf berkata, kegagalan mempertahankan akidah Islam yang sebenar menyebabkan muncul kelompok-kelompok yang mengamalkan ajaran berdasarkan pemahaman masing-masing.

Beliau berkata, kesan daripada kegagalan memahami ajaran Islam itu, muncullah kelompok-kelompok yang ekstrem yang menganggap kelompok dan pemimpin mereka adalah betul dan menafikan keberadaan Islam sebenar.

"Akibat daripada amalan ajaran ini, muncul kelompok-kelompok tertentu yang mempercayai adanya kuasa-kuasa ghaib yang dimiliki oleh guru-guru agama yang kemudiannya mendorong kepada penubuhan kumpulan ajaran sesat.

"Inilah merupakan salah satu punca kepada kemunduran Islam kerana agama itu ditafsir daripada perspektif yang salah," tambahnya.

Ketika diminta mengulas langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut, Yusuf berkata, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah mengukuhkan peranan Panel Kajian Akidah untuk menangani masalah tersebut.

Katanya, menerusi panel yang dianggotai oleh pakar daripada Jakim, institusi pengajian tinggi dan individu yang mempunyai kepakaran dalam Islam, perkembangan salah tafsir terhadap Islam dipantau.